



مَدَنِي مَالِيسِيَا
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)



○○○○○

‘RETHINKING OURSELVES’ PEMANGKIN MALAYSIA MADANI

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan



دكتور زولكفلي حسن
DR. ZULKIFLI
HASAN

مَدَنِي مَالِيسِيَا
#MADANI
Membantu



     @drzulkiflihasan

Berfikir Adalah Tuntutan Al-Quran

Buku *Rethinking Ourselves, Justice, Reform and Ignorance in Postnormal Times* adalah karya terkini YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia diterbitkan oleh dua penerbit antarabangsa iaitu Hurst Publication dan Penguin Publication. Ia mengandungi 292 halaman (versi Penguin Publication) dengan 6 bab dan pendahuluan atau prolog dan penutup atau epilog, sarat dengan rujukan karya agung dan bacaan timur barat dan pelbagai tradisi ilmu.

Terdapat pelbagai komen dan ulasan mengenai buku ini bukan sahaja pengulas tempatan tetapi juga antarabangsa. Sudah pasti ada yang positif dan ada juga yang mengkritik kandungannya. Saya cuba memberikan perspektif peribadi mengenai buku ini. Saya berpandangan untuk memahami buku ini dengan baik, pembaca memerlukan latar bacaan yang



komprehensif dan sudah biasa atau pernah menelaah karya-karya besar yang dirujuk oleh penulis. Oleh itu, *Rethinking Ourselves* ini menjadi pintu atau membuka jalan kepada pembaca untuk menelaah karya-karya penting dari pelbagai disiplin dan tradisi.

Membaca dan menelaah buku ini mengingatkan saya kepada tuntutan al-Quran yang menyuruh manusia untuk sentiasa berfikir. Allah SWT memuji golongan yang berfikir atau *Ulul Albab* yang sentiasa *tafakkur* (fikir), *tadabbur* (meneliti), dan *taa'ul* (menjiwai). Perkataan akal dalam al-Quran ada sebanyak 50 kali dalam pelbagai surah, suruhan untuk berfikir juga ada lebih kurang 700 tempat dan perkataan *Ulul Albab* disebut sebanyak 16 kali. Firman Allah SWT:

"Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya".

Surah al-Baqarah: 269

Buku ini merangsang pembaca untuk berfikir. Sudah terlalu lama kita dituduh dan dilabel sebagai bangsa yang tidak mampu berfikir. Hamid Dabashi ada menulis buku berjudul *Can Non-European Think?* Manakala Kishore Mahbubani menulis *Can Asian*

Think? Abdul Hamid Abu Sulayman pula membangkitkan permasalahan utama umat Islam dengan karya *Crisis in the Muslim Mind*. Wacana-wacana dalam buku ini cuba membangkitkan bahawa semua bangsa di dunia boleh dan mampu berfikir dengan baik. Krisis minda atau kelemahan untuk berfikir secara strategik adalah masalah utama dan punca kepada kemunduran. Buku *Rethinking Ourselves* ini benar-benar merangsang dan mencabar minda kita untuk berfikir dan terus berfikir.

Kelainan dan Keunikan

Rethinking Ourselves merupakan hasil dari nota penjara penulis yang telah ditahan sebanyak tiga kali sebagai pelajar, aktivis, ahli politik dan ilmuwan iaitu pada tahun 1974-1976 kemudian 1998-2004 dan kali terakhir 2015-2018. Ini mengingatkan saya kepada Mukaddimah magnum opus Ibnu Khaldun yang dihasilkan setelah beliau melalui liku-liku kehidupan sebagai ilmuwan, ahli politik, hakim dan pemimpin masyarakat.

Terdapat beberapa karya yang dihasilkan oleh tokoh dunia semasa di dalam penjara seperti Antonio Gramsci dengan *Notebook in Prison* 3 Jilid, Buya Hamka dengan *Tafsir Al-Azhar*, Syed Qutb dengan *Tafsir fi Zilalil Quran* dan Said Nursi dengan *Risalah Annur*. Keunikan buku *Rethinking Ourselves* ini adalah hasil catatan tangan penulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sepanjang kehidupannya di penjara.

Catatan nota penjara ini dikembangkan menjadi idea dan gagasan besar yang dirumuskan dalam bentuk buku.

Rethinking Ourselves ialah sebuah karya menilai semula asas pemikiran, nilai dan sikap. Keunikannya menggabungkan dimensi moral, falsafah dan kemanusiaan dalam membincangkan soal pembangunan negara. Ia bukan sekadar menyeru reformasi struktur, tetapi reformasi jiwa dan akal budi. Ia adalah manifestasi pemikiran, memoir, peta intelektual, wacana falsafah, pemikiran, teori sosial, politik, pemikiran Islam dan intelektual dalam era pasca normal.

Membaca buku ini mengingatkan saya karya Seyyed Hossein Nasr berjudul *A Young Muslim Guide to the Modern World* yang menekankan peri pentingnya menguasai pengetahuan turath Islami, pengetahuan dan pemikiran moden termasuk falsafah barat dan tradisi lain dan mempunyai keupayaan untuk mensintesis antara keduanya. Perkara inilah yang saya jumpai dalam *Rethinking Ourselves* di mana penulis berjaya mensintesis ilmu-ilmu dan pemikiran-pemikiran antara turath dan kontemporari, barat dan timur, demokrasi dan ideologi lain serta mengharmonikannya dari perspektif Islam.

Secara tidak sedar, *Rethinking Ourselves* sangat menekankan aspek pendidikan yang bukan sekadar proses penyampaian ilmu, tetapi membina insan yang holistik membentuk minda, karakter dan syahsiyah. Membentuk

dan mendidik manusia yang bukan hanya cerdas akalnya, tetapi juga jernih budi dan kukuh jati dirinya. Sistem pendidikan yang digagaskan adalah pendidikan manusiawi melahirkan insan seimbang bukan hanya pakar dalam sesuatu disiplin tetapi generalist dan polymath yang memiliki pelbagai ilmu pengetahuan secara meluas dalam pelbagai bidang ilmu. Dalam *The Revolt of the Masses* oleh Jose Ortega y Gasset menyebut perkara ini sebagai '*the barbarism of specialisation*' di mana '*specialisation*' dan '*fragmentation of learning*' menghasilkan golongan yang tidak seimbang dan menyeluruh pengetahuannya. Jose Ortega menulis:

"The specialist 'knows' very well his own tiny corner of the universe; he is radically ignorant of all the rest."



Buku ini juga menghadirkan wacana Islam terkini yang progresif dengan mengharmonikan pandangan alam dan pemikiran kontemporari dan tradisi. Pembaca diperkenalkan dengan perbincangan ilmu yang menyeluruh bagi memahami dinamika dan realiti dari pelbagai perspektif seperti pengajian berdasarkan geografi merangkumi Afrika, Asia, Amerika Latin, Nusantara termasuk pengajian berdasarkan disiplin seperti Islam, China, India, *Occidental*, *Oriental* dan lain-lain.

Idea Besar Dalam Rethinking Ourselves

Buku ini perlu dibaca dengan teliti kerana setiap bab mempunyai kekuatan dan mesej tersendiri. Lebih utama, ia mesti dibaca secara tertib ikut urutan bab kerana setiap bab itu mempunyai kaitan dan kesinambungannya tersendiri. Pembaca juga digalakkan untuk meneliti dan melakukan bacaan lanjutan terhadap karya-karya yang dipetik dan dirujuk dalam buku ini.

Buku ini dimulakan dengan prolog yang bertajuk *Eye on the Storm*. Mukadimah ini sangat penting kerana menjadi pemula kepada perbincangan yang lebih berat dalam bab-bab yang lain. Jatuh bangun penulis dengan ujian begitu hebat sejak awal dalam dunia perjuangan. Penulis dipecat, dipenjarakan, dimalukan, dikhianati dan dizalimi. Detik 2 September 1998 merakamkan penulis dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan 20 September beliau ditangkap

dan dipenjara. Pengalaman penulis merengkok di penjara sebanyak tiga kali ditemani al-Quran dan buku-buku telah melahirkan insan yang baharu, lebih bijaksana, matang, berhikmah dan paling utama sentiasa berfikir.

Bab kedua dengan tajuk *Postcolonial Angst* menelusuri perkembangan di barat dan di timur termasuk di nusantara. Penulis mewacanakan konsep perhambaan, kapitalisme, komunisme, Perang Dingin, kolonialisme, imperialisme dan persoalan negara dunia ketiga. Penulis merangsang pembaca untuk berfikir semula mengenai pengaruh kolonialisme yang berlatarkan ketinggian penjajah menerusi istilah seperti superior *western culture*, *colonised* and *colonizer* dan *slave and master*. Kemudian penulis membincangkan kelangsungan pasca kemerdekaan dalam konteks Malaysia termasuk memperingatkan mengenai *future colonialism* atau penjajahan masa depan.

Bab *Justice for Our Time* menelusuri dan menghurai konsep dan makna keadilan dalam erti kata yang sebenarnya bersesuaian dengan konteks realiti hari ini. Penulis memulakan dengan mengupas kitab turath ***Munyatul Musalli*** karya Syeikh Daud Abdullah Al-Fathani. Penulis ada menerbitkan catatan kitab ini dalam bentuk buku dengan judul Keadilan Bagi Orang yang Bersolat. Penulis merujuk konsep keadilan yang terkandung dalam al-Quran dan mengulas secara khusus bab terakhir *tatmim al-faidah* berkenaan dengan maqasid solat dan tuntutan untuk menegakkan keadilan.

Penulis meluaskan dimensi keadilan dengan mengharmonikan tradisi dan kefahaman barat menerusi pemikiran antaranya John Rawls, Robert Nozick dan Amartya Sen. Konsep keadilan barat ini kemudiannya diharmonikan dengan menyentuh konsep keadilan dalam al-Quran termasuk membincangkan pandangan sarjana Muslim seperti al-Farabi, Al-Fadl, Syeikh Daud al-Fattani dan Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Dalam konteks keadilan ekonomi, penulis meneliti pemikiran sarjana dunia seperti John Locke, Adam Smith, Jeremy Bentham, John Stuart Mill dan Thomas Picketty. Keadilan adalah tiang seri kepada tamadun, sejajar dengan prinsip *al-adl wal ihsan* (keadilan dan kebaikan) dalam Islam. Penulis memperkenalkan gagasan idea ekonomi manusiawi untuk keadilan sosial. Keadilan yang disebut bukan bersifat inklusif tetapi dalam bentuk *global convivencia* atau kewujudan bersama sejagat. Ini bersesuaian dengan konsep *ummmatan wasata* yang terkandung dalam al-Quran.

Bab *Liberating Democracy* meneliti realiti dan cabaran melaksanakan keadilan dalam konteks demokrasi. Demokrasi boleh melahirkan pemimpin yang baik tetapi sekiranya tidak diasaskan dengan nilai dan moral maka boleh juga menghasilkan pemimpin yang zalim. Plato mengingatkan bahawa demokrasi berpotensi mencipta diktator dan pemimpin kuku besi.

Penulis membangkitkan bahawa demokrasi hari ini memerlukan reformasi

tersendiri. Bagi maksud ini, penulis mengharmonikan pandangan Islam dan demokrasi yang selari dengan konsep *shura*. Perkara ini diperhalusi dengan merujuk pandangan sarjana antaranya al-kawakibi, Makdisi Taha Hussin dan al-Tahtawi. Apa yang lebih penting dalam demokrasi dalam konteks hari ini ialah mewujudkan masyarakat berilmu dan bertamadun (disebut oleh Ziauddin Sardar sebagai *wisdom communities*, al-Farabi sebagai *virtuous cities* dan Plato sebagai *desired republic*) yang membuat keputusan secara rasional demi kebaikan dan kemaslahatan.

Bagi menangani persoalan Islam dan demokrasi, penulis menghuraikan dan mengharmonikannya dalam bab *Reconsidering the Ummah*. Bahagian ini mewacanakan tema ketamadunan dengan baik di mana penulis mengkritik perspektif barat yang mengesampingkan perspektif tradisi lain seperti yang dipelopori oleh Samuel Huntington dan Francis Fukuyama.

Mengimbangi wacana ketamadunan ini, penulis mempopularkan pemikiran Edward Said yang terkenal dengan karya *Orientalisme* malahan menjelaskannya menerusi karya beliau sendiri iaitu *the Asian Renaissance*. Penulis sendiri secara pro-aktif menggerakkan Dialog antara Peradaban seawall 1991 dan mempopularkan pandangan peradaban Malik Bennabi, Ibnu Khaldun, Miskawayh, al-Farabi dan Muhammad Iqbal. Bagi mendepani cabaran keadilan dalam ranah demokrasi, buku ini memperkenalkan konsep *ummah universal consciousness*

of Islam iaitu ummah yang mendapat pencerahan dari kegelapan dan kejahilan.

Bab *The Arc of Ignorance* adalah bahagian yang sangat penting. Ia menganalisis cabaran dan realiti utama kepada masalah, konflik, isu dan krisis yang berlaku dalam era pasca kebenaran dan pasca normal iaitu *ignorance* atau kejahilan. Penulis menyebut idea dan pemikiran sarjana seperti George Santayana, Hegel, Klingberg, Schlesinger dan Gore Vidal. Penulis merumuskan bahawa kejahilan era pasca normal adalah berbeza dengan sebelum ini kerana ia bersifat kompleks, global, industri dan ada banyak kepelbagaian. Kejahilan di sini bukan sekadar kekurangan ilmu, tetapi keengganan untuk belajar, sikap taksub, dan yang paling kritikal, kejahilan yang disengajakan.

Selain *orientalism*, penulis turut mengupas post modern *orientalism* yang menatijahkan konflik dan krisis baharu antaranya *fear* atau kebimbangan peralihan kuasa dan *ignorance* atau kejahilan atau kedangkalan ilmu. Kejahilan bentuk baharu ini menjadi penyebab konflik dan krisis seperti Islamofobia yang mencetuskan kebencian kepada orang Islam, Islam dari sudut agama dan peradaban. Jika Noams Chomsky menyebut mengenai '*manufactured consent*' sebagai agenda penindas untuk meneruskan penindasan, era pasca normal menyaksikan fenomena '*manufactured ignorance*' iaitu kejahilan yang bukan sahaja disengajakan tetapi dirancang bagi membentuk struktur kuasa.

Bab *Rethinking Ourselves* merumuskan apakah sebenarnya yang harus dilakukan setelah meneliti dan mengamati segala cabaran dan realiti zaman era pasca kebenaran dan pasca normal ini. Penulis cuba mencetus dan merangsang akal untuk berfikir secara serius dan strategik melakukan *islah* dan perubahan sedayanya. Bahagian ini memetik dan merujuk pemikir dunia antaranya Dante, Harold Bloom, Ibnu Rushd, TS Elliot dan Martin Lings.

Penulis membangkitkan makna 'kebebasan' yang perlu dinilai semula. Ini sangat relevan kerana beliau adalah antara orang yang paling memahami dan menghargai kebebasan kerana pernah dipenjarakan bukan sekali tetapi tiga kali. Cabaran teknologi dan kecerdasan buatan yang mengancam survival manusia juga memerlukan penilaian yang menyeluruh. Fenomena perkembangan teknologi dan kecerdasan buatan ini yang mempengaruhi kehidupan manusia menuntut kepada keperluan agar ia dikawal, dipantau dan dinavigasi sebaiknya. Penilaian semula ini penting kerana teknologi dan kecerdasan buatan ini bukanlah penentu kepada perubahan tetapi sikap dan etika manusia. Clay Shirky dalam *Here Comes Everybody: The Power of Organizing Without Organizations* menulis:

"Revolution doesn't happen when society adopts new technologies, it happens when society adopts new behaviors."

Selain itu, penulis mengajak semua untuk menilai semula amalan ekonomi

semasa berikutan kitaran krisis ekonomi yang berlaku termasuk persoalan ketaksamarataan yang dibangkitkan Thomas Picketty. Kecelaruan sistem kapitalisme adalah jelas dengan pelbagai kritikan dan gelaran seperti *disaster capitalism*, *corrupt capitalism*, *vulture capitalism*, *counterfeit capitalism*, *casino capitalism*, *spiderweb capitalism*, *casino capitalism*. Kritikan penulis datang dengan cadangan penyelesaian iaitu mengarusperdanakan ekonomi manusiawi berorientasikan rakyat yang menekankan aspek *Maqasid al-Syariah*.

Di bahagian akhir bab ini, penulis secara khusus membincangkan *Rethinking Malaysia* iaitu menilai semula realiti dan masa depan negara. Usaha dan perancangan yang telah dilaksanakan perlu diberi ruh dan dimensi baharu. Sebagai contoh, bagi pembangunan negara sesungguhnya Bahasa Melayu itu penting tetapi jangan sekali-kali mengabaikan penguasaan bahasa utama yang lain.

Mengemukakan idea dan solusi kepada cabaran dan realiti baharu ini, penulis mengemukakan gagasan *whole society approach*, nilai sejagat dan kemanusiaan. Nilai sejagat ini mesti bersifat *universal* dan kolektif yang boleh dirumuskan sebagai SCRIPT iaitu *Sustainability* (kemampuan), *Compassion* (ihsan), *Respect* (hormat), *Innovation* (daya cipta), *Prosperity* (kesejahteraan) and *Trust* (keyakinan). SCRIPT inilah yang menjadi rujukan kepada Malaysia MADANI. MADANI sebagai idea pendorong *islah* ini adalah sangat

konsisten di mana penulis telah mula membicarakannya sejak 1990an lagi. Pada 1991, ucap tama di International Seminar on Malik Bennabi di Universiti Malaya, kemudiannya diikuti dengan ucap tama pada 1995 di Festival Istiqlal, Jakarta. Penulis menerbitkan karya penting beliau menyentuh citra Madani iaitu *The Asian Renaissance* pada 1996. Pada 2022, penulis menerbitkan buku berjudul *SCRIPT* yang diterjemahkan menjadi Membina Negara MADANI.

Bab akhir atau Epilog diberi tajuk *Preparing For the Next Storm* yang menzahirkan keyakinan penulis untuk mendepani perubahan. Bahagian ini dimulakan dengan menyebut legenda seni negara iaitu P.Ramlee yang menggunakan pendekatan lembut dan halus tapi membekas menerusi sentuhan seni yang menyentuh isu, konflik, permasalahan dan budaya masyarakat. Ini memberikan satu pengajaran bahawa pelbagai pendekatan boleh dilaksanakan untuk melakukan islah atau perubahan itu sendiri.

Apa yang berbeza kali ini adalah cabaran dan realiti yang dihadapi itu sudah berubah dalam bentuk baharu yang berskala, berskop dan bersaiz besar dan begitu kompleks. Ia mesti ditangani dengan tangkas dan bijaksana. Albert Einstein mengingatkan bahawa "*no problem can be solved from the same consciousness that created it*". Walau apapun yang dirancang dan dilaksanakan, semua pihak perlu 'rethinking' atau berfikir sedalamnya agar perubahan yang didambakan adalah seimbang

berorientasikan nilai, etika dan moral serta menepati maqasid al-Syariah.

Merakyatkan Pemikiran

Sudah pasti ada yang mengeluh dengan lenggok bahasa aras tinggi yang digunakan penulis dalam karyanya. Menyentuh perkara ini, saya ingin memetik nukilan Harold Bloom yang disebut dalam buku ini. "*If we do not read deeply, we do not learn how to think, and if as a nation, we do not learn how to think one day we will get cease to be democracy*". Maka, adalah menjadi keperluan untuk pembaca menaiktarafkan kualiti pembacaan dan membiasakan diri dengan karya-karya besar agar dapat merangsang dan mencergaskan pemikiran.

Walaupun bagaimanapun, saya masih berpandangan perlu adanya usaha untuk merakyatkan idea besar dalam buku ini. Penerangan, pencerahan, penjelasan, huraian dan kupasan boleh dilakukan menerusi pelbagai pendekatan dan platform. Ini merangkumi info grafik, wacana, seminar, forum, bedah buku, video, media sosial, bicara ilmuwan, podcast termasuk komik dan animasi. Merakyatkan dan mempermudah mesej buku ini untuk difahami oleh segenap lapisan masyarakat adalah amat penting. Saya juga sarankan buku ini diterjemahkan dalam pelbagai bahasa dan dijadikan bacaan wajib sebagai panduan dan bimbingan untuk menavigasi realiti dan cabaran hari ini dan masa depan.



Pemimpin dan Intellektual Awam

Keunikan penulis dari sudut pemikiran ialah keupayaan beliau untuk mensintesis dan mengharmonikan idea dan gagasan tokoh dan pemikir dunia di timur dan barat, tradisional dan kontemporari serta menghubungjalinkannya dalam konteks global, serantau, nusantara dan Malaysia. Maka tidak hairanlah, kita bukan sahaja didedahkan dengan idea pemikir barat mahupun arab dan timur tetapi penulis menghargai dan mengiktiraf gagasan tokoh nusantara seperti Jose Rizal, Buya Hamka, Pak Natsir, Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan ramai lagi. Dengan kekuatan inilah, idea yang dibawa oleh penulis adalah sangat 'visionary' dan terkehadapan meraikan kepelbagaian budaya, perbezaan martabat, keadaan sosio-ekonomi, kelainan agama dan bangsa

serta dinamika politik dan hubungan antarabangsa.

Buku ini sememangnya karya penting yang perlu ditelaah dan diwacanakan. Ia menyediakan satu landasan guiding idea atau idea pendorong untuk melakukan islah atau perubahan. Buku ini menganalisa dan mencerakinkan idea-idea besar pemikiran, falsafah, teori sosial dan politik dari pelbagai perspektif termasuk wacana politikal Islam. Karya Rethinking Ourselves ini menunjukkan bahawa penulis adalah seorang negarawan dan intelektual yang bervisi dan berpandangan jauh. Edward Said dalam Representations of the Intellectuals menekankan betapa pentingnya intelektual sebagai peneraju perubahan.

"There has been no major revolution in modern history without intellectuals, conversely there has been no major counterrevolutionary movement without intellectuals. Intellectual have been the fathers and mothers of movements and of course sons and daughters, even nephews and nieces".

Malaysia bertuah kerana memiliki pemimpin yang intelek dan berilmu punya gagasan pemikiran dan idea besar untuk memacu perubahan dalam dunia yang serba kompleks dan rumit.

Malaysia Madani dan budaya ilmu berpisah tiada.



مَنْعِيَا مَدَنِيَا
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)



○ ○ ○ ○ ○

‘RETHINKING OURSELVES’ CATALYST FOR MALAYSIA MADANI

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan



مَدَنِيَا مَدَنِيَا
#MADANI
Membantu



     @drzulkiflihasan

The Requisition of Thinking in Al-Quran

The recent monograph, *Rethinking Ourselves: Justice, Reform and Ignorance in Postnormal Times*, authored by The Honourable Dato' Seri Anwar Ibrahim, Prime Minister of Malaysia, has been published by two distinguished international presses, Hurst Publication and Penguin Publication. The Penguin edition encompasses 292 pages, structured into six substantive chapters, an introductory prologue, and a concluding epilogue. The work is replete with references to magnum opuses and scholarly readings spanning Eastern and Western and intellectual traditions, across multiple disciplines. The publication has elicited diverse commentary and critique from both domestic and international reviewers, ranging from approbation to censure. My endeavour is to offer a subjective appraisal of this work.



My contention is that a comprehensive appreciation of this book necessitates that the readers possess a robust, pre-existing scholarly foundation and familiarity with the canonical texts cited by the author. Consequently, *Rethinking Ourselves* functions as a portal, initiating the reader into the profound study of pivotal works from varied intellectual disciplines and traditions. Engaging with this text evokes a recall of the al-Quran's imperative for mankind to be perpetually engaged in intellection. Allah SWT commends the Ulul Albab (People of Understanding) who are ceaselessly involved in tafakkur (reflection), tadabbur (scrutiny/contemplation), and taaqul (inward thought/assimilation). The term aql (reason/intellect) appears 50 times in the al-Quran across various surahs, the injunction to think is found in approximately 700 instances, and the specific phrase Ulul Albab is mentioned 16 times. The word of Allah SWT (which means):

"He grants wisdom (useful knowledge) to whom He wills (according to the rules He has determined). And whoever is granted wisdom has indeed been granted abundant good. And none will take heed (and remember) except those who use their intellect."

Surah al-Baqarah: 269

This volume serves as a powerful stimulus for the reader's intellectual processes. We have endured protracted accusations of being an intellect-deficient populace. This concern is echoed in Hamid Dabashi's Can

Non-Europeans Think? and Kishore Mahbubani's *Can Asians Think?* Similarly, Abdul Hamid Abu Sulayman addressed the core intellectual dilemma of the Muslim Ummah in *Crisis in the Muslim Mind*. The discourses within this book assert the universal capacity for profound intellection across all global communities. The primary impediment to progress and the chief source of underdevelopment is identified as the crisis of mind, or the strategic failure in critical thinking.

Distinction and Intellectual Genesis

Rethinking Ourselves originates from the author's prison notebooks, accumulated during his three periods of political detention as a student, activist, politician, and scholar: from 1974–1976, 1998–2004, and finally 2015–2018. This genesis recalls the creation of Ibn Khaldun's *Muqaddimah* following his own complex journey as a scholar, statesman, judge, and societal leader. It follows a tradition of profound works generated from confinement, such as Antonio Gramsci's *Notebooks in Prison*, Buya Hamka's *Tafsir Al-Azhar*, Sayyid Qutb's *Tafsir fi Zilalil Quran*, and Said Nursi's *Risalah Annur*. The distinctiveness of *Rethinking Ourselves* lies in its origin as handwritten annotations by the author in both Malay and English throughout his incarcerations. These prison notes were subsequently expanded into the grand conceptual framework of the book.

The text functions as a critical re-evaluation of foundational principles of thought, values, and disposition. Its unique contribution resides in the synthesis of moral, philosophical, and humanistic dimensions within the analysis of national development. It is a call not only for structural reform but, more fundamentally, for the reform of the soul and the refined intellect (*akal budi*). It manifests as a synthesis of memoir, intellectual mapping, philosophical discourse, social and political theory, Islamic thought, and intellectual commentary for the post-normal era.

Perusing this work brings to mind Seyyed Hossein Nasr's *A Young Muslim Guide to the Modern World*, which underscored the criticality of mastering Islamic scholarly heritage (*turath Islami*), contemporary knowledge including Western philosophy, and possessing the capacity to synthesize these two traditions. This synthesising capability is strikingly present in *Rethinking Ourselves*, where the author proficiently integrates knowledge and thought across the traditional and contemporary, the West and the East, democracy and other ideologies, harmonizing them through an Islamic lens.

The book subtly, yet strongly, foregrounds education as a process that transcends mere knowledge transfer, aiming instead to construct a holistic individual—one whose mind, character, and *shakhsyah* (personality) are fully formed. The objective is the

cultivation of individuals who are not only intellectually astute but also possess clear moral character and a firm self-identity. The proposed educational system is humanistic, designed to produce balanced individuals—not just disciplinary specialists, but generalists and polymaths who command broad knowledge across various fields. This contrasts with the concept of 'the barbarism of specialisation' articulated by Jose Ortega y' Gasset in *The Revolt of the Masses*, where 'specialisation' and 'fragmentation of learning' lead to individuals with unbalanced and non-comprehensive knowledge. Ortega wrote:

"The specialist 'knows' very well his own tiny corner of the universe; he is radically ignorant of all the rest."



The book further presents a progressive contemporary Islamic discourse by harmonizing traditional and modern worldviews and thought. Readers are introduced to a comprehensive intellectual discussion necessary for grasping the dynamics and realities from multiple perspectives, including geographically-based studies (Africa, Asia, Latin America and Archipelago) and discipline-based studies (Islam, China, India, Occidental, and Oriental).

The Grand Ideas in Rethinking Ourselves

This book demands rigorous attention, as each chapter contains discrete potency and a specific message. Crucially, it must be read sequentially, as the chapters exhibit distinct interconnections and continuity. Readers are also encouraged to pursue supplementary readings on the scholarly works quoted and referenced within the book.

The work commences with a prologue entitled *Eye on the Storm*. This introduction is vital as it sets the intellectual groundwork for the more complex deliberations in the succeeding chapters. It recounts the author's severe trials in his activism, marked by dismissal, imprisonment, humiliation, betrayal, and injustice. The date 2 September 1998 signifies his dismissal as Deputy Prime Minister, followed by his arrest and imprisonment on 20 September. The three periods of incarceration, sustained by the al-Quran and books,

forged a renewed individual: one of greater wisdom, maturity, discernment, and, fundamentally, constant reflection.

The second chapter, Postcolonial Angst, scrutinizes the historical developments in the West and the East, including the Nusantara (Archipelago). The author discusses concepts such as servitude, capitalism, communism, the Cold War, colonialism, imperialism, and the plight of the third-world nations. He provokes readers to re-examine the colonial legacy, framed by the colonizer's assumed superiority, through terminology like superior western culture, colonised and colonizer, and slave and master. He then addresses post-independence continuity in the Malaysian context, providing an alert on future colonialism.

The chapter Justice for Our Time meticulously traces and explicates the concept and true meaning of justice, relevant to contemporary reality. The author begins with an analysis of the classical text (turath) ***Munyatul Musalli*** by Syeikh Daud Abdullah Al-Fathani. The author has previously published annotations of this text under the title Keadilan Bagi Orang yang Bersolat (Justice for Those Who Pray). He references the concept of justice in the al-Quran, specifically commenting on the final section, tatmim al-faidah, which pertains to the maqasid (objectives) of prayer and the obligation to uphold justice. The author expands the dimension of justice by harmonizing traditional Islamic understanding with

Western thought, drawing from figures such as John Rawls, Robert Nozick, and Amartya Sen. These Western concepts are then synchronized with the concept of justice in the al-Quran, engaging with Muslim scholars like al-Farabi, Al-Fadl, Syeikh Daud al-Fattani, and Syed Muhammad Naquib al-Attas. In the sphere of economic justice, the author examines the ideas of global scholars including John Locke, Adam Smith, Jeremy Bentham, John Stuart Mill, and Thomas Piketty.

Justice is the central pillar of civilization, corresponding to the Islamic principle of al-adl wal ihsan (justice and goodness/benevolence). The author introduces a framework for humanistic economics aimed at social justice. The justice advocated is not merely inclusive but extends to global convivencia (universal coexistence). This aligns with the Quranic concept of ummmatan wasata (the balanced/middle nation).

The chapter Liberating Democracy scrutinizes the practicalities and obstacles to implementing justice within a democratic framework. While democracy may produce virtuous leaders, the absence of moral and ethical foundations can equally result in tyrannical ones. Plato cautioned that democracy harbours the potential to breed dictators and autocratic rule. The author contends that contemporary democracy is in need of its own reform. To this end, he harmonizes Islamic principles with democracy, consistent with the concept of shura (consultation). This is refined

through reference to scholars such as al-Kawakibi, Makdisi, Taha Hussin, and al-Tahtawi. The paramount necessity in today's democracy is the creation of an enlightened and civilized society (wisdom communities as per Ziauddin Sardar, virtuous cities as per al-Farabi, and the desired republic as per Plato) that makes rational decisions for the universal good and welfare (kemaslahatan).

To address the nexus of Islam and democracy, the author provides detailed exposition and harmonization in the chapter *Reconsidering the Ummah*. This section capably discourses on the theme of civilization. The author critiques the Western paradigm, championed by Samuel Huntington and Francis Fukuyama, for marginalizing non-Western traditional perspectives.

To counterbalance this civilizational discourse, the author popularizes the thought of Edward Said, renowned for *Orientalism*, and elucidates it through his own work, *The Asian Renaissance*. The author personally pioneered the *Dialogue between Civilizations* as early as 1991, promoting the civilizational perspectives of Malik Bennabi, Ibn Khaldun, Miskawayh, al-Farabi, and Muhammad Iqbal. In confronting the challenges to justice within democracy, the book advances the concept of ummah universal consciousness of Islam: an ummah illuminated from the darkness of ignorance.

The chapter *The Arc of Ignorance* is of singular importance. It analyzes

the fundamental challenge and reality underlying the problems, conflicts, and crises of the post-truth and post-normal epoch: ignorance. The author cites the ideas of scholars like George Santayana, Hegel, Klingberg, Schlesinger, and Gore Vidal. He concludes that post-normal era ignorance is distinct from previous forms, being complex, global, industrialized, and highly diversified. This ignorance is not merely a lack of knowledge, but a recalcitrance toward learning, dogmatic fanaticism, and, most critically, wilful ignorance. Beyond orientalism, the author discusses postmodern orientalism, which generates new conflicts and crises, notably fear (apprehension over power shifts) and ignorance (intellectual shallowness). This novel form of ignorance is causative of conflicts like Islamophobia, which precipitates animosity towards Muslims, Islam as a faith, and its civilization. If Noam Chomsky articulated 'manufactured consent' as the oppressor's mechanism for maintaining dominance, the post-normal era witnesses the phenomenon of 'manufactured ignorance': ignorance that is not only deliberate but strategically engineered to constitute power structures.

The culminating chapter, *Rethinking Ourselves*, synthesizes the necessary response following a careful examination of the challenges and realities of the post-truth and post-normal age. The author seeks to instigate the intellect toward serious and strategic reflection, aiming for profound *islah* (reform)

and change. This section draws upon global thinkers, including Dante, Harold Bloom, Ibn Rushd, T.S. Elliot, and Martin Lings. The author poses a re-evaluation of the meaning of 'freedom'. This is acutely pertinent given his unique experience as one who intimately understands and values liberty, having been incarcerated on three separate occasions. The existential threats posed by technology and artificial intelligence also necessitate a thorough assessment. The rapid proliferation of these technologies influencing human life demands that they be meticulously controlled, monitored, and navigated. This re-evaluation is crucial because technology and AI are not the ultimate drivers of change; human ethics and attitudes are. Clay Shirky, in *Here Comes Everybody: The Power of Organizing Without Organizations*, observes:

"Revolution doesn't happen when society adopts new technologies, it happens when society adopts new behaviors".

Furthermore, the author enjoins a critical review of current economic practices, prompted by cyclical economic crises, including the pervasive issue of inequality highlighted by Thomas Piketty. The disarray within the capitalist system is unequivocally demonstrated by various critiques and epithets, such as disaster capitalism, corrupt capitalism, vulture capitalism, counterfeit capitalism, casino capitalism, spiderweb capitalism, casino capitalism. The author's critique is paired with a proposed remedy: the mainstreaming of a humanistic, people-

centric economy that accentuates the Maqasid al-Shari'ah (Objectives of Islamic Law).

In the final segment of this chapter, the author specifically addresses Rethinking Malaysia—a reassessment of the nation's contemporary reality and future trajectory. Ongoing initiatives and planning require a new spirit and dimension. For example, in national development, while the Malay Language is vital, the mastery of other primary languages must never be neglected.

To furnish ideas and solutions for these new challenges, the author proposes the concept of a whole society approach, grounded in universal and humanistic values. These universal values must be universal and collective, summarized by the acronym SCRIPT: Sustainability, Compassion (ihsan), Respect, Innovation, Prosperity, and Trust. This SCRIPT provides the reference framework for Malaysia MADANI. MADANI, as the conceptual impetus for *islah*, is highly consistent with the author's thought, which he has advanced since the 1990s. His commitment was evident in his 1991 keynote address at the International Seminar on Malik Bennabi at Universiti Malaya, followed by his 1995 keynote at the Istiqlal Festival, Jakarta. He published his seminal work touching upon the Madani ethos, *The Asian Renaissance*, in 1996. In 2022, he published the book *SCRIPT*, which was translated as *Membina Negara MADANI* (Building a MADANI Nation).

The final chapter, or Epilogue, Preparing for the Next Storm, articulates the author's confidence in confronting future change. It commences with a reference to the national artistic legend, P.Ramlee, whose subtle and refined artistic approach powerfully addressed societal issues, conflicts, and culture. This demonstrates that various methods can be deployed to effect *islah* or change.

The distinction now lies in the fact that the contemporary challenges and realities have assumed a new form, being massive in scale, scope, and complexity. They must be navigated with alacrity and discernment. Albert Einstein's counsel is pertinent: "no problem can be solved from the same consciousness that created it". Regardless of the plans or implementations, all stakeholders must engage in 'rethinking'—deep reflection—to ensure that the desired transformation is balanced, anchored in values, ethics, and morality, and consistent with the *Maqasid al-Shari'ah*.

Popularizing the Intellectual Framework

Some readers may express reservation regarding the elevated linguistic style employed by the author. In addressing this, I recall Harold Bloom's citation within the book: "If we do not read deeply, we do not learn how to think, and if as a nation, we do not learn how to think one day we will get cease to be democracy".

Consequently, it is incumbent upon the readership to elevate the quality of their reading and to cultivate familiarity with major works to stimulate and invigorate their intellectual processes. Nevertheless, I maintain that there is a need for concerted efforts to popularize the grand concepts within this book among the populace. The necessary exegesis, clarification, explanation, and analysis can be delivered through a variety of platforms and methodologies. This encompasses infographics, scholarly discourses, seminars, forums, book critiques, videos, social media, expert interviews, podcasts, and even popular media like comics and animation. It is critically important to popularize and simplify the book's core message for comprehension by all strata of society. I further propose that this book be translated into multiple languages and designated as essential reading to guide and counsel society in navigating the current and future realities and challenges.

Statesman and Public Intellectual

The author's philosophical distinction lies in his ability to synthesize and harmonize the ideas and frameworks of global thinkers from the East and West, the traditional and the contemporary, and to interrelate them within global, regional, Nusantara, and Malaysian contexts. Hence, we are exposed not only to the ideas of Western, Arab, and Eastern thinkers, but the author



also acknowledges and validates the frameworks of Nusantara figures such as Jose Rizal, Buya Hamka, Pak Natsir, Burhanuddin al-Helmy, and Ishak Haji Muhammad, among others. This intellectual strength renders the author's ideas profoundly 'visionary' and progressive, celebrating cultural multiplicity, socio-economic diversity, religious and ethnic difference, and the dynamics of politics and international relations.

This book is unquestionably a significant work that merits thorough study and extensive discourse. It furnishes a guiding idea or intellectual foundation for initiating islah (reform) or change. The book dissects and analyzes major ideas in philosophy, social theory, and politics from various perspectives, including Islamic political discourse. The work *Rethinking Ourselves* affirms the author's stature as a statesman and an intellectual of remarkable vision and foresight. Edward Said, in *Representations of the Intellectuals*, underscored the intellectual's pivotal role as a harbinger of change:

"There has been no major revolution in modern history without intellectuals, conversely there has been no major counterrevolutionary movement without intellectuals. Intellectual have been the fathers and mothers of movements and of course sons and daughters, even nephews and nieces".

Malaysia is fortunate to possess a knowledgeable and intellectual leader with a grand intellectual vision and concepts to propel transformation in an increasingly intricate and complex world.

Malaysia MADANI and the culture of knowledge are inextricably linked.